

04/09/1998

Karnival Beli-Belah di seluruh negara

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Khamis - Karnival Beli-Belah yang akan berlangsung mulai 3 Oktober hingga 1 November ini diperluaskan ke seluruh negara bagi membantu syarikat tempatan yang terjejas berikutan kegawatan ekonomi.

Acara karnival itu tahun lalu hanya diperluaskan ke Kuching dan Miri serta mengambil masa sebulan berbanding dua minggu di bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata karnival itu diperluas sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, majlis pelancaran karnival di peringkat kebangsaan akan diadakan di Kompleks Beli-Belah Suria KLCC di sini pada 3 Oktober depan.

Menurutnya, objektif utama karnival ini ialah untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi beli-belah menarik dan mampu menawarkan pelbagai barangan dan perkhidmatan berkualiti dengan kadar harga berpatutan.

Acara kali ini akan dianjurkan dengan kerjasama dan sokongan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kerajaan negeri, Persatuan Peruncit Malaysia, kompleks beli-belah, Persatuan Operator Bebas Cukai Malaysia dan sektor swasta.

"Sambutan untuk menyertai karnival kali ini amat menggalakkan dan 166 kompleks beli-belah serta kedai di seluruh negara sudah mengesahkan penyertaan masing-masing," katanya di pejabatnya di sini, hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk Mohd Noh Rajab; Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPKM), Datuk Hanafi Ramli; dan Ketua Pengarah LPPKM, Datuk Dr Arshad Hashim.

Aktiviti utama dalam karnival itu ialah kempen jualan istimewa yang menawarkan potongan harga 10 hingga 70 peratus akan diadakan meliputi barangan buatan tempatan, barangan jenama, pakaian barangan elektrik, makanan, barangan kulit dan perkhidmatan.

Sabbaruddin yakin karnival itu dapat meningkatkan pendapatan negara dan membantu syarikat tempatan, selain memberi penekanan kepada promosi barangan buatan Malaysia.

Katanya, sasaran utama kempen karnival itu adalah pelancong asing dan menggalakkan penduduk tempatan membeli-belah di negara sendiri.

(END)